

Ucapan: ADHO
496
115/80

Ucapan Y.B. Menteri Pelajaran,
Malaysia Enche Hussein Onn di-
upachara pembukaan Pameran Sains
Sekolah2 Menengah Malaysia Pe-
ringkat Kebangsaan 1971 di-Maktab
Perguruan Bahasa, Lembah Pantai,
Kuala Lumpur pada 16hb. Ogos, 1971
pukul 4.30 petang.

=====

Tetamu2 kehormat, tuan2 dan puan2 sekelian,

Saya sungguh berasa bangga, kerana di-jemput
~~memberi ucapan kepada tuan2 dan puan2 semua~~ pada petang
ini, untuk merasmikan pembukaan Pameran Sains, Sekolah2
Menengah Malaysia Peringkat Kebangsaan 1971. Ini-
lah pameran kedua di-adakan berturut2 di-peringkat
kebangsaan. Kita mengalu2kan kerjasama, Sharikat Esso
Standard Malaya Berhad, yang telah menyambut baik dasar
Kerajaan dan usaha2 Kementerian saya, hendak memperpular-
kan pelajaran sains di-sekolah2 kita. Mereka telah
bermurah hati menganjorkan pameran pada tahun ini,
seperti yang telah mereka lakukan pada tahun2 lepas,
dengan memberi bantuan yang lebeh besar. Tauladan ini

telah di-ikuti oleh sharikat2 lain, yang menawarkan untuk menganjorkan beberapa perojek, sama-ada yang di-jalankan oleh Kementerian Pelajaran atau pun sekolah2. Saya menguchapkan tahniah dan terima kaseh kepada Sharikat Esso Standard Malaya Berhad, atas tauladan baik yang telah mereka tunjokkan ini. Kami mengharapkan kerjasama yang lebeh luas lagi dengan bahagian swasta lain, pada masa2 yang akan datang.

Pameran sains kebangsaan yang pertama pada tahun lepas, walaupun di-adakan sechara kechil, telah menchapai kejayaan yang sungguh besar. Para peserta telah menunjukkan semangat yang tidak terbatas, dan menchapai mutu yang sangat tinggi dalam kerja2 mereka. Beribu² kanak2 sekolah dan orang ramai yang melawat pameran itu, telah sama2 tertarek dan mendapat ~~ilham~~^{inspiration} ~~inspirasi~~ dari apa yang mereka lihat dan dengar. Kejayaan pada tahun lepas, ia-lah satu sebab lagi mengapa kita meneruskan pameran sa-umpama itu pada tahun ini. Pameran pada

tahun ini jelas menunjukkan bahawa, peserta2 telah memberikan perhatian yang teliti tentang jenis perprojek2 yang sedang di-galakkan. Mutu karya2 ini, sudah tentu akan bertambah baik lagi, melalui pengalaman dan bimbingan. Dengan meningkat-nya mutu ini, maka darjah pemilehan dan pengadilan pun bertambah tinggi.

Pameran2 Sains Kebangsaan seperti ini, hendaklah di-terima sejajar dengan keutamaan yang di-berikan terhadap lapangan sains dan teknologi pada masa sekarang di-Malaysia. Kementerian Pelajaran telah memulakan satu rancangan yang chergas, bukan sahaja meninggikan taraf sains dan Ilmu Hisab yang sedang di-ajar di-sekolah2 kita, tetapi juga menjadikan sains dan mata2 pelajaran yang berkaitan, sebagai pilehan2 yang sesuai kepada lebeh ramai lagi murid2, terutama sekali di-peringkat menengah atas. Ini sedang di-lakukan dalam tiga lapangan, ia-itu pembaharuan dalam bidang pelajaran, memperbaiki kemudahan2 mengajar di-sekolah2 kita, dan rancangan2 latihan guru yang intensif. Asas pelajaran sains sekolah sedang di-

perluaskan lagi. Ranchangan Malaysia Kedua akan chuba menyusun sa-mula pelajaran sains, supaya 60% dari murid2 kita akan mengikuti kursus2 dalam bidang sains, dan 40% mengikuti kursus dalam bidang sastera, di-peringkat menengah atas. Ini ada-lah satu langkah yang berani tetapi perlu di-ambil, untok memenohi keperluan2 tenaga manusia dalam sa-buah negara yang sedang membangun dengan pesat-nya.

Saya suka memberi ingatan bahawa per|undangan semata-mata, tidak menchukopi. Murid2 kita mesti di-beri galakan mengambil lapangan sains dan untok menchapai tujuan ini, pelajaran sains dan teknologi mesti-lah di-jadikan le lebih menarek dan berarti kapada mereka. Murid2 kita, terutama sekali di-peringkat2 tinggi, mesti-lah di-fahamkan tentang peranan sains dan teknologi dalam pembangunan negara. Kanak2 mudah tertarek dengan perojek yang bermakna kapada mereka. Aktiviti2 di-luar bidang pelajaran sa-umpama itu, hendak-lah di-kaitkan dengan bidang pelajaran yang sabenar-nya. Peluang ini jangan-lah di-biar-

kan, dan semangat yang ada, mesti-lah di-perluaskan lagi dan di-kekalkan, dan ini memerlukan peranchangan dan penglaksanaan yang sangat teliti di-pehak guru2 sains dan pendidek2 kita.

Peranan pameran sains semakin jelas kelihatan dalam hal ini. Sa-suatu pameran yang di-adakan bagi kepentingan-nya sendiri, sangat sedikit faedah-nya. Banyak kerja yang di-jalankan dalam menyediakan suatu pameran kebangsaan, bukan sahaja di-pehak peserta, tetapi juga di-pehak pengelola. Segala usaha ini, mesti-lah di-salorkan ka-arrah objektib2 yang nyata. Sekolah2 kita, hendak-lah memahami betul2 akan maksud dan faedah aktiviti2 sains di-luar bidang pelajaran, dan menghubungkan aktiviti2 sa-umpama itu kepada minat dan keperluan murid2, kepada kepentingan sekolah, masharakat, dan lebeh2 lagi negara. Di-samping peranchangan dan pengelolaan yang teliti, usaha2 saperti itu memerlukan perhubungan yang rapat di-antara sekolah2 kita dengan jabatan2 kerajaan yang terlibat dalam perojek2 pembangunan, untuk mendapatkan butir2 tepat tentang perojek2 itu yang boleh menggunakan perkhidmatan

kaum belia kita. Ini tidak mudah di-chapai, dan nasihat yang terbaik sekali ada-lah di-perlukan dalam meranchang perojek2 yang berkaitan dengan perojek2 pembangunan yang sedang di-jalankan, yang bukan sahaja sesuai kapada murid2 kita, tetapi juga akan memberi faedah saintifik kapada mereka. Oleh itu, kita mesti-lah menggalakkan perojek2 asal yang sudah tentu akan berguna kapada masharakat.

Kegiatan2 bersama, untok memperbaiki chara hidup, bukan-lah konsep baru kapada kita di-Malaysia. Gotong-royong ada-lah sa-bahagian daripada kebudayaan kita. Tetapi pada kebiasaan-nya, chara begini terhad kapada aktiviti2 masharakat saperti kerja2 menuai^{wai}, membuat rumah, membena jalan dan lain2. Saya ingin menyatakan di-sini bahawa, Sains dan Teknologi boleh memainkan peranan penting dalam meninggikan taraf kegiatan sa-umpama itu, dan itu-lah sebab-nya mengapa belia2 kita, terutama kanak2 sekolah kita, tidak boleh turut serta dalam perkhidmatan saperti itu terlalu awal. Ini akan menjadi suatu chontoh pembenaan negara yang jelas kapada mereka dengan hasil2 yang nyata.

Chara pemikiran sa-umpama itu semakin meluas, bukan sahaja di-negara2 Asia yang lain, tetapi juga di-lain2 negara membangun termasuk negara2 yang maju.

Tuan2 dan puan2, tidak akan memerlukan masa yang lama bagi sa-saorang itu untok menyedari bahawa, pameran2 sains saperti ini boleh memberi sumbangan yang lebeh penting lagi. Di-samping nilai2 pelajaran, dari segi pengetahuan sains yang di-perolehi, penyertaan dalam sa-suatu pameran ada-lah juga suatu latehan disiplin diri, tingkah-laku yang baik, kesabaran, persahabatan dan bertimbang-rasa bagi orang lain; ia-itu kuantiti2 yang mempunyai suatu gelanggang yang sama pada ketika ini dalam sejarah negara kita. Semangat dan penggunaan, mengatasi perbedzaan dan mewujudkan perpaduan maksud. Tujuan yang baik menyatu-padukan manusia. Ini-lah peluang untok membangunkan suatu perpaduan maksud dan tindakan yang bertujuan untok menchapai kerjasama dan saling hormat menghormati antara satu dengan lain, ia-itu suatu falsafah yang boleh di-bangunkan dan di-amalkan dalam masharakat kita yang berbilang bangsa.

Saya ingin menyatakan rasa dukachita^{saya} atas kemalangan yang berlaku dalam masa persediaan pameran sains baru2 ini. Walau pun kemalangan2 saperti itu sudah tidak dapat di-elakkan lagi, patut saya tegaskan di-sini, peri mustahak-nya pengawasan yang rapi dan mengambil langkah2 keselamatan yang ketat dalam masa persediaan dan pada waktu pameran2 sains di-jalankan. Mungkin boleh di-ketahui terlebih dahulu di-mana terdapat bahaya dan kemungkinan berlaku-nya sa-suatu kemalangan mesti-lah di-kurangkan. Arahan2 yang terang hendak-lah di-beri kepada murid2 berkenaan dengan chara2 yang betul menyelenggarakan benda2 yang merbahaya.

Sa-bagaimana yang telah saya katakan sa-bentarr tadi bahawa, Kementerian Pelajaran sedang giat memperbaiki taraf pelajaran sains dan ilmu hisab di-sekolah2 kita. Peri mustahak-nya mata-pelajaran ini telah di-sedari lebeh kurang lima tahun dahulu, apabila di-dapati bahawa sa-suatu perojek sa-umpama ini, ada-lah merupakan suatu usaha yang besar, yang memerlukan perkhidmatan serta kemudahan2

pentadbiran yang lengkap. Oleh itu, maka di-chadangkanlah pada masa itu, supaya suatu Pusat Pelajaran Sains ditubuhkan untuk merancang dan melaksanakan perprojek ini. Dalam Rancangan Malaysia Kedua ada termasuk penubuhan suatu Pusat Pelajaran Sains dengan peruntukan permulaan sebanyak \$1.29 juta. Rancangan2 untuk mendirikan sebuah bangunan 6 tingkat bagi menempatkan pusat itu sedang di-jalankan, dan pembenaan akan bermula dalam tahun 1972 menurut rancangan2 yang ada sekarang. Sebuah pusat saumpama itu, akan dapat memenuhi beberapa keperluan penting kita. Ia-nya akan di-jadikan sebuah pusat untuk membaharui dan memperbaiki bidang pelajaran sains dan ilmu hisab. Kepada pegawai2 bidang pelajaran yang terlibat, pusat ini akan mengadakan makmal2 penyelidikan dan pengajaran, kemudahan2 untuk mengeluarkan kertas bimbingan bagi guru2, kertas2 kerja murid2 dan bantuan2 lain kepada guru2. Suatu lagi tanggung-jawab pusat ini ia-lah, membentok alat2 dan juga mengeluarkan-nya kalau boleh. Aktiviti ini akan di-hubungkan dengan penyelidikan, pengeluaran reka-bentok,

kawalan mutu, dan pembahagian kelengkapan serta bahan2 sains ka-sekolah2 dengan harga yang kurang. Satu lagi kemudahan penting pusat itu ia-lah, perkhidmatan Yunit Bekalan Kajihayat (Biological Supplies Unit) yang telah pun berjalan sechara kechil. Bahagian ini akan memelihara, mengumpul dan menyimpan bahan2 hayat (biological materials) untok di-gunakan bagi peperiksaan pada permulaan-nya, tetapi apabila bahagian ini berkembang kelak, ia-nya akan membekalkan ka-sekolah2 untok maksud2 pengajaran biasa. Sa-bahagian daripada tugas2 penting Pusat Pelajaran Sains termasuk mengumpul dan menyediakan kesusasteraan sains, journal2 dan majallah2 berkala, kemudahan2 salinan dan pembahagian, kemudahan2 bagi persidangan, seminar dan sharahan.

Pusat Da Objektib2 kita, dalam masa tiga tahun yang akan datang, telah di-huraikan dengan jelas. Dalam tahun 1969, Perojek Khas telah di-lancharkan untok memperbaiki ilmu hisab dan sains rendah. Yunit Bekalan Kajihayat (Biological Supplies Unit) telah di-tubuhkan pada awal tahun 1971.

Dengan pembenaan bangunan pusat sains ini dalam tahun 1972, perkhidmatan2 yang lain juga akan di-mulakan pada masa yang sama. Kerja2 dalam bidang-pelajaran di-peringkat menengah rendah dan atas yang sedang di-jalankan pada masa ini di-beberapa tempat lain, akan mendapat tempat-nya yang sesuai di-pusat itu. 1973 akan merupakan tahun untuk menyelaraskan dan meluaskan lagi kemudahan2 ini. Ada-lah di-harapkan bahawa, Pusat-Pelajaran Sains ini, akan di-perluaskan lagi bidang-nya untuk membentok Pusat Pembangunan Bidang Pelajaran Kebangsaan, yang akan meliputi kerja2 pembangunan bidang pelajaran dalam mata2 pelajaran yang lain juga.

Kita di-Malaysia ada-lah bernasib baik kerana Pusat Daerah bagi Pelajaran Sains dan Ilmu Hisab (atau RECSAM) telah pun di-tubuhkan di-Pulau Pinang, yang telah pun memulakan perkhidmatan-nya kepada kawasan Asia Tenggara dalam keperluan2 bidang pelajaran. Sambil RECSAM memenuhi keperluan kawasan yang lebeh luas, Pusat Pelajaran Sains pula akan memenuhi keperluan2 Malaysia. Kita mengharapkan kerjasama yang rapat daripada RECSAM dalam menuboh dan

membangunkan Pusat Pelajaran Sains ini.

Saya menyeru semua guru2 sains kita, supaya melengkapkan diri mereka sepenoh-nya, agar mereka boleh menggunakan kemudahan2 yang ada sekarang. Kita semua mesti-lah memahami tujuan perbelanjaan yang begitu besar di-habiskan terhadap lapangan sains. Sifat tidak ambil peduli, sama-lah dengan kejahilan, dan negara ini tidak ingin akan sikap2 begitu dalam pembangunan negara kita sekarang ini. Kita sedang berusaha dengan segala upaya, melalui kursus2 dalam perkhidmatan bagi guru2, untuk membiasakan mereka dengan teknik2 mengajar yang terbaru. Sa-bagai guru2 sains, kita patut-lah membuat sedikit pengorbanan untuk meninggikan taraf pelajaran sains.



Saya mengambil peluang ini untuk menguchapkan tahniah kepada semua peserta dan guru2, ahli2 jawatankuasa pengelola dan jawatankuasa2 kechil, atas usaha mereka menjayakan pameran sains pada tahun ini. Saya menguchapkan tahniah kepada semua pemenang. Kepada mereka yang tidak

berjaya, jangan putus asa, chuba lagi pada masa yang akan datang. Saya menyeru sekolah2 yang tidak mengambil bahagian pada tahun ini supaya turut serta pada pameran2 yang akan datang.

Sekarang dengan sa-berapa sukachita-nya, saya resmikan pembukaan Pameran Sains Sekolah2 Menengah Malaysia Peringkat Kebangsaan, 1971.

Kementerian Pelajaran,
Kuala Lumpur.

13hb. Ogos, 1971.



berjaya, jangan putus asa, cuba lagi pada masa yang akan datang. Saya menyuruh sekolah yang tidak mengambil bahagian pada tahun ini supaya turut serta pada pameran yang akan datang.

Sekarang dengan sa-betapa sukacita-saya, saya permudahkan penerbitan Pameran Sains Sekolah Menengah Malaysia Peringkat Kebangsaan, 1971.

Kementerian Pelajaran,
Kuala Lumpur.
13hb. Ogos, 1971.



No Siri	50
No Reserimaan	50/80